

SIARAN MEDIA

PENYERAHAN LAPAN PROJEK RANCANGAN MEMULIHAKAN KORIDOR SUNGAI (RMKS) DI BAWAH PELAKSANAAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) KEPADA KERAJAAN NEGERI SARAWAK

10 Julai 2023 - YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dan YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak telah menyaksikan majlis penyerahan lapan (8) projek Rancangan Memulihkan Koridor Sungai (RMKS) yang telah disiapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Majlis yang diadakan di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya ini turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri NRECC, YB Dato Sri Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak & Menteri Kesihatan Awam, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, Encik Abdul Wahid Abu Salim, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) dan YBhg. Dato' Mohamad Razif Haji Abd Mubin, Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim), NRECC.

Pelaksanaan lapan (8) projek ini melibatkan peruntukan berjumlah RM63 juta melibatkan koridor-koridor sungai Batang Kayan, Batang Balingian, Batang Sadong di Pekan Gedong & Serian, Batang Sadong di Simunjan, *Retaining Wall* Sungai Baram, Rumah Naing, Pekan Sabtu Oya dan Betong.

Ia melibatkan kerja-kerja pengukuhan tebing-tebing sungai supaya hakisan dapat dibendung serta memastikan aliran air sungai lancar di samping perlindungan harta benda dan struktur-struktur awam di sepanjang tebing sungai berkenaan. Projek ini juga memberi nilai tambah dengan pembangunan kawasan riadah penduduk setempat serta membawa manfaat kepada hampir 195,000 orang penduduk setempat.

Kerajaan Persekutuan melalui NRECC akan terus bekerjasama dengan kerajaan Negeri Sarawak dalam memastikan projek-projek pemulihan koridor sungai dapat diteruskan lagi bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta dapat memberi peningkatan hidup dan pertumbuhan ekonomi kepada negeri ini selari dengan konsep Malaysia Madani.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
10 JULAI 2023